

Pertandingan Filem Pendek Hari Malaysia 2024 “ Memekarkan Kepelbagaian Melalui Sukan!”

TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Pengenalan:

Semasa tahun 1958, sempena merasmikan Taman Merdeka di Kuala Lumpur, Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman telah menyampaikan sepatah ayat yang cukup bermakna iaitu “untuk semua orang dan untuk semua generasi”, menunjukkan betapa penting semua lapisan masyarakat bersama-sama memelihara ruang umum.

Begitu juga pentingnya wujudnya Stadium Merdeka dan Stadium Negara serta Taman Merdeka yang bersimbolik dan berfungsi untuk mengingatkan rakyat kepentingan kesihatan melalui sukan yang melangkaui batasan perkauman.

Natijahnya, sempena Hari Malaysia tahun ini, kami pihak penganjur akan menganjurkan pertandingan filem pendek yang bertema dengan sukan dalam kehidupan harian untuk menyemarakkan kepelbagaian dalam masyarakat kita.

2. Objektif:

- 2.1. Meningkatkan nilai kepelbagaian budaya, hormat-menghormati serta toleransi di kalangan masyarakat.
- 2.2. Mengekalkan simbolik kepelbagaian etnik dan budaya negara Malaysia.

3. Penganjur: Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong)

4. Usahasama: PhotoJam

5. Penaja: SONY, Thinktank

6. Kelayakan:

- 6.1. Terbuka kepada semua warganegara dan bukan warganegara berumur 23 tahun dan ke bawah.
- 6.2. Pekerja penganjur utama, ahli persatuan pengajur bersama serta ahli keluarga adalah dilarang sama sekali daripada menyertai pertandingan ini.
- 6.3. Peserta boleh menghantar seberapa banyak gambar penyertaan tetapi hanya layak memenangi 1 hadiah sahaja.


7. Tema:

Kandungan karya menumpu kepada budaya sukan negara yang dinamik dan meriah, menonjolkan kepelbagaian etnik dan identiti dalam komuniti sukan. Kandungannya boleh termasuk kehidupan realistik, fiksiyen kreatif, dokumentari, dll. Cara penyampaian yang kreatif amat digalakkan.

8. Hadiah:

- Hadiah Pertama: RM800 + Kamera digital SONY ZV-E10 bernilai RM3,499+ Sijil Kemenangan
- Hadiah Kedua: RM500 + Kamera digital SONY ZV-1 bernilai RM3,399+ Sijil Kemenangan
- Hadiah Ketiga: RM300 + Kamera digital SONY ZV-1F bernilai RM2,599+ Sijil Kemenangan
- Cemerlang (x 10): RM100 + LCS-BBK SONY Beg digital kamera bernilai RM87+ Thinktank Photo SD Pixel Pocket Rocket bernilai RM87+ Sijil Kemenangan
- Sagu hati (x 20): RM50 + Beg Uniqlo bernilai RM69 + Sijil Kemenangan
- Semua peserta yang berkecualan akan menerima sijil penyertaan (E-cert) melalui e-mel selepas Majlis Penyampaian Hadiah.

9. Pendaftaran



Borang Penyertaan

- 9.1 Semua borang penyertaan perlu lengkap diisi. Video pendek perlu dimuatnaik sebelum atau pada 27hb September 2024 (Jumaat) melalui pautan pendaftaran: <https://forms.gle/CcyW5uMzUsZJ3C4N8> . Penyertaan yang dihantar selepas tarikh tutup penyertaan tidak akan dilayan.
- 9.2 Peserta perlu memuatnaikkan juga sebuah video **pratonton** atau **previu** (**Teaser**) yang tidak melebihi 10 saat. (format ikut peraturan umum)
- 9.3 Peserta perlu memuat naik filem pendek bersama dengan sari kata dan previu ke Youtube sendiri , dengan kualiti video 1080p, dengan tahap audio yang ketara dengan audio campuran sekitar 10db hingga 20db. Kemudian isikan **pautan** filem pendek dan previu tersebut dalam borang pendaftaran.
- 9.4 Untuk penghasilan DCP (Digital Cinema Package) bagi tujuan tayangan di cinema, perlu memenuhi permintaan teknikal seperti berikut:
 - Gambaran: QuickTime ProRes / MP4 format, H.264 (>20 Mbps; High Profile) & H.265
 - Frame rate: 24fps (23.98fps), 25fps, 30fps

- Audio: 2.0 Stereo or 5.1 Linear PCM
 - Sari Kata : in Sync SRT file format
- 9.5 Panjang lebar filem termasuk kredit filem dalam lingkungan 3 minit hingga 8 minit.
 - 9.6 Semua filem pendek perlu disertakan 2 jenis sari kata (sekiranya ada), dan Bahasa Melayu adalah diwajibkan.
 - 9.7 Semua penyertaan perlu berdaftar secara individu dan tidak boleh secara berkumpulan.
 - 9.8 Semua filem pendek perlu disertakan **Tajuk**.
 - 9.9 Peserta perlu memuatnaikkan filem pendek dengan kategori "**Unlisted**", dan tidak boleh dipaparkan dalam mana-mana platform selain Youtube dengan menyediakan pautan Youtube. Maklumat yang dihantar perlu sempurna, tepat dan betul.
 - 9.10 Pihak penganjur tidak akan memegang sebarang tanggungjawab atau pegangan terhadap perkara-perkara seperti berikut:
 - Hilang, dicuri, lewat, tidak sempurna, tidak berkesan, tidak dapat dikenalpasti atau pautan yang salah (filem pendek yang sebegini akan dilucutkan kelayakan) ;
 - Sebarang masalah teknikal termasuk internet, masalah perkakasan (hardware) atau perisian (software);
 - Sebarang pemasalahan termasuk tindakan manusia, teknikal dan sebagainya.
 - 9.11 Pihak Penganjur berhak membatalkan kelayakan seseorang peserta sekiranya didapati wujudnya perlakuan perubahan peraturan atau pelaksanaan pertandingan, atau menyalahgunakan garis panduan atau peraturan-peraturan yang berkaitan.
 - 9.12 Sebarang penghantaran yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan diterima dan kelayakan akan dibatalkan.

10. Hak intelektual:

- 10.1 Semua hantaran perlu berbentuk asli dan tidak pernah dikemukakan;
- 10.2 Segala kelakuan ciplak dan pelanggaran hak adalah tidak dibenarkan. (Peserta perlu menanggung sendiri terhadap segala tindakan yang melanggar undang-undang)
- 10.3 Pihak penganjur berhak mengguna, mendefinasi atau menggubal filem pendek yang diterima termasuk memapar, menghias, mencetak dan sebagainya.
- 10.4 Peserta tidak akan menerima sebarang tuntutan atau wang pampasan daripada pihak penganjur.
- 10.5 Kandungan filem perlu menggunakan bahan muzik yang asli atau berlesen ataupun mendapat kebenaran daripada pengasal.
- 10.6 Kandungan tersebut tidak memiliki sebarang jenama (trademark), hak kontrak, ataupun sebarang hak intelektual yang berkaitan dengan pihak

ketiga.

- 10.7 Kandungan filem tidak memiliki nama, atau sebarang unsur yang dapat berkaitan dengan seseorang pelakon atau orang berkepentingan.
- 10.8 Sekiranya filem pendek yang pernah ditayang umum atau dihantar untuk pertandingan dan sambutan filem pendek (film festival) sama ada secara antarabangsa atau tempatan, maka filem tersebut tidak sesuai dan layak untuk ditanding.
- 10.9 Kandungan filem tidak memiliki sebarang unsur diskriminasi terhadap hak asasi manusia, gender, etnik, kelas sosial, kebencian dan sebagainya.
- 10.10 Peserta akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang pembayaran terhadap pihak ketiga mengenai penghasilan filem pendek tersebut dan pembayaran penuh terhadap pihak penganjur termasuk pekerjanya, agensi, perwakilan dan penaja sekiranya berlaku apa-apa kesalahan pelanggaran peraturan-peraturan yang dinyatakan.

11. Piawaian penghakiman:

- 11.1 Para juri akan mengutamakan **kandungan** dan kemudiannya kretiviti, keaslian, penyuntingan, sinematografi dan kualiti teknikal yang lain. Unsur realistik adalah digalakkan;
- 11.2 Pihak penganjur dan para juri berhak membatalkan kelayakan seseorang peserta yang tidak mengikuti peraturan-peraturan pertandingan;
- 11.3 Keputusan para juri adalah muktamad dan segala aduan adalah tidak dibenarkan.
- 11.4 Pihak penganjur berhak menggunakan hasil filem-filem pendek untuk promosi, aktiviti-aktiviti dan penerbitan pada masa depan;
- 11.5 Pihak penganjur akan memaklumkan para pemenang selepas senarai kemenangan diumumkan, termasuk melalui laman sesawang pihak penganjur pada bulan November 2024.
- 11.6 Pihak penganjur berhak untuk menggubal peraturan-peraturan dan panduan pertandingan dari semasa ke semasa.

12. Lain-lain:

- 12.1 Setiap pendaftaran dihadkan untuk satu karya sahaja.
- 12.2 Pendaftaran secara pukal atau melalui sekolah adalah tidak dibenarkan dan kelayakan akan dibatal sekiranya berlaku perkara tersebut.
- 12.3 Semua pemenang akan dihubungi melalui e-mel atau telefon dan pihak penganjur mungkin akan mencipta *WhatsApp* group yang sementara untuk menyenangkan proses pengendalian.
- 12.4 Semua pemenang akan dijemput untuk hadir ke Majlis penyampaian hadiah (majlis diadakan di Lembah Klang) ataupun menerima temubual dan merakaman. Pemenang perlu menyediakan pengangkutan dan penginapan sendiri.
- 12.5 Hadiah wang tunai akan dianugerahi selepas hari Majlis penyampaian hadiah

sama ada melalui transaksi bank ataupun *TnG E-wallet*. Pemenang dinasihati untuk mengambil inisiatif berkomunikasi dengan pihak penganjur untuk urusan tersebut, sekiranya tidak, hadiah wang tunai tersebut akan dibatalkan selepas 30 hari gagal dihubungi.

- 12.6 Bagi pemenang yang tidak dapat menghadiri Majlis penyampaian hadiah, anda diminta untuk mendapatkan hadiah daripada pihak penganjur di pejabatnya dalam masa 90 hari ataupun memohon untuk pengiriman pos di mana kos pengiriman perlu ditanggung oleh pemenang sepenuhnya. Sekiranya tidak, pihak penganjur berhak menarik balik hadiah tersebut.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi En.Yap Heng Lung atau En. Shih Hon Soon melalui talian 03-87362337 ext 301 atau e-mel: co-curriculum@dongzong.my